

# Parti lawan sebar

Oleh M NOH SENAN, ZIAUDDIN SHARUDDIN DAN ESME JOHARI WAHAB BH - 4 JUN 2000

PORT DICKSON: Penedaran risalah ketika solat Jumaat di beberapa masjid dekat sini kelmarin, membuktikan parti pembangkang tertekan hingga sanggup menyebarkan fitnah.

Risalah itu yang diletakkan di masjid, memburukkan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini termasuk Dr Mahathir dikatakan merendahkan Nabi Muhammad ketika berucap di perhimpunan agung Umno, bulan lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pihak terbabit dalam perbuatan itu tidak bertanggungjawab dan kehabisan modal untuk menawan hati pe-

ngundi di sini.

"Lebih bahaya mereka mengadakan cerita yang tidak benar dan menyebarkan fitnah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara peringkat Negeri Sembilan di pekarangan pusat beli-belah Oceanic Mall di sini, semalam.

Mohd Isa berkata, risalah itu cuba menyele-

wenghati fakta sebenar supaya orang ramai, terutama pengundi di Teluk Kemang, membenci Perdana Menteri dan Barisan Nasional.

"Saya katakan risalah itu berniat jahat kerana hanya memasukkan petikan ucapan Dr Mahathir pada perenggan 17, tetapi tidak memasukkan perenggan 18 dan 19," katanya.

## risalah fitnah

Menurutnya, ini menyebabkan ucapan Perdana Menteri kelihatan tergantung, sekali gus mengundang pelbagai tafsiran buruk orang yang membacanya.

Beliau berkata, percubaan pihak terbabit memburukkan Dr Mahathir bukan perkara baru, malah sebelum ini mem-babitkan pemimpin Umno lain termasuk Da-

tuk Seri Megat Joned Megat Ayob.

Katanya, Megat Joned dikatakan menyebelahi bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas sebuah majalah dikatakan menyiarkan gambarnya bersama Anwar.

Mohd Isa berkata, ini juga menunjukkan pembangkang dalam pilihan raya kecil ini ketandusan

isu kerana Teluk Kemang adalah kawasan yang pesat membangun dan masalah rakyat sentiasa mendapat perhatian kerajaan.

"Saya percaya pengundi Teluk Kemang tidak mudah terpengaruh dengan fitnah yang disebarkan risalah itu," katanya.

Sementara itu, beliau yakin anggota tentera

akan mengundi BN walaupun pembangkang mendakwa melalui kain rentang yang dipasang di beberapa tempat di sini, kononnya anggota tentera menyokong pembangkang.

"Mereka boleh cakap apa saja, tetapi anggota tentera akan terus memberi kepercayaan kepada BN untuk menerajui negara," katanya.